

Fahami Erti KEMERDEKAAN Sebenarnya

Saban tahun kita tidak pernah lupa dan ketinggalan meraikan kedatangan 31 Ogos dengan penuh meriah. Sejak awal pagi lagi kita sudah keluar berkumpul untuk menyaksikan perarakan kemerdekaan yang penuh gemilang dan warna-warni.



Tidak kira tua atau muda, semua sanggup redah kesesakan lalu lintas untuk turut serta memeriahkan sambutan hari yang penuh bersejarah buat negara walaupun sudah lebih separuh abad kita merdeka. Yang di rumah juga sejak awal lagi sudah bersedia di depan TV menonton perarakan yang disiarkan secara langsung.

Hari itu juga adalah waktu satu keluarga berkumpul. Bangun pagi dengan semangat sambil membawa bendera dan berangkat menyaksikan perarakan. Kalau tak pergi pun, mereka akan bersama-sama memasang bendera di depan rumah menggambarkan betapa mereka menghargai kemerdekaan yang dinikmati. Namun itu dulu, hari ini

pemandangan seperti itu sukar untuk dilihat. Generasi muda tidak kisah tentang sambutan kemerdekaan. Bagi mereka itu hanya hari cuti dan boleh duduk di rumah lepak-lepak bersama keluarga.

Kalau tidak pun mereka akan mengadakan aktiviti sendiri, keluar membeli belah, menonton wayang atau berjumpa teman-teman. Tidak kisah apa yang berlaku di Dataran Merdeka. Yang mereka kisahkan apabila jalan banyak ditutup dan sesak berikutan perarakan yang diadakan.

Mengapa agaknya ini berlaku. Di mana silangnya, adakah ia bermula daripada sikap ibu bapa masa kini yang tidak menanamkan rasa cinta kepada negara. Tidak pernah berkongsi cerita mengenai zaman susah ketika

dijajah. Mungkin mereka tidak melaluinya dan perasaan sayangkan kemerdekaan tidak begitu kuat, hanya sekadar mendengar pengalaman orang tua yang melalui keperitan hidup pada zaman Jepun.

Sehubungan itulah Majalah Keluarga membawakan isu ini kerana topik ini ada kaitan dengan keluarga.

Bimbang dengan semangat merdeka generasi muda yang semakin hilang, ingin memberi kesedaran kepada mereka agar merenung mengenai kehidupan generasi dulu iaitu nenek moyang mereka yang menderita, susah dan berkorban segala-galanya demi memperoleh kemerdekaan dan seterusnya bebas mentadbir negara mengikut acuan sendiri.

Segala usaha mereka akan sia-sia jika kita sebagai generasi muda tidak mempertahankan kesenangan dan kemewahan yang dikecap hari ini. Kita harus faham, 'Merdeka' ialah apabila kita menikmati segala yang harus dinikmati dan bebas menentukan hidup sendiri tanpa dijajah mana-mana pihak.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua memastikan Malaysia terus merdeka dan kita dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam suasana

yang selesa dan aman. Jangan hilang jati diri dan terus mempertahankan kemerdekaan dan keamanan yang dikecap sejak 1957 lagi.

Penulis sendiri walaupun tidak pernah melalui peristiwa pahit hidup pada zaman penjajah tetapi semangat cintakan negara begitu kuat. Mungkin sering mendengar pengalaman daripada orang-orang tua berdekatan dengan penulis terutama ibu, ayah, datuk dan nenek yang sering mendendangkan cerita yang sama setiap kali berkumpul.

Walaupun sering mendengar cerita yang sama tetapi perkongsian itu amat berguna dan melekat di minda. Semangat cintakan negara berkobar-kobar seolah-olah ada bersama-sama mereka ketika memperjuangkan kemerdekaan.

Tetapi generasi hari ini dilihat tidak mempunyai semangat demikian sehinggalah memerlukan perkara di luar akal yang waras. Ada yang sanggup memijak dan membakar Jalur Gemilang sebagai tanda protes terhadap pemerintah. Bukan itu sahaja, ada yang sanggup mengutip dengan menggunakan kata-kata yang kesat negara sendiri

kerana tidak berpuas hati atau benci dengan sesuatu isu.

Walaupun kita sudah merdeka dan bebas, alasan dan cara memberontak itu tidak betul dan tidak boleh diterima. Ini adalah kerana bendera adalah lambang kedaulatan negara. Jika hari ini semangat cintakan negara sudah hilang dan boleh berbuat sesuka hati, apa agaknya yang akan terjadi lima tahun akan datang.

Jika situasi ini berterusan, apakah kita akan dapat mempertahankan kemerdekaan atau mungkin dijajah semula. Dijajah dalam bentuk yang berbeza dan lebih bahaya iaitu penjajahan minda yang kesannya sudah dapat dilihat hari ini. Generasi muda mudah terikut-ikut dengan pengaruh budaya barat sehingga tidak tahu membezakan yang baik atau yang buruk, salah atau yang benar.

Bukan itu sahaja jati diri mereka juga semakin lemah kerana terpedaya dengan budaya yang tidak betul, pembongkaran fakta melalui media seperti facebook, twitter, whatsapp, instagram, blog dan sebagainya.

Hidup dalam zaman teknologi menjadikan ruang sosial tidak sempadan, tiada kawalan dan pantauan. Mereka bebas menulis atau perkongsian apa sahaja walaupun tiada kepastian ia betul atau salah. Apa yang ditulis dirasakan betul dan ini memberi pengaruh yang besar kepada jati diri.

Ada juga yang sengaja menyalurkan kebencian dan rasa menimbulkkan rasa rengang antara kaum di Malaysia. Justeru, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka agar mampu menulis setiap maklumat yang diterima dan membuatkan mereka faham bahawa nilai sebuah kemerdekaan adalah jauh



"Pendekatan yang baru harus dicari dalam usaha menyuburkan semangat kemerdekaan dalam kalangan mereka dan dalam masa yang sama memastikan makna patriotisme tidak berubah. Tetapi fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan."

lebih besar daripada semua itu.

Makna merdeka kepada mereka juga berbeza dengan generasi dulu. Hari ini merdeka bermakna bebas melakukan apa sahaja dan suara mereka bebas kedengaran dan apa yang terbuak di hati disampaikan melalui tulisan di media sosial.

Selain itu, adalah fitrah generasi yang kurang meminati sejarah, perkara yang menganggang tidak suka kepada yang statik seperti sejarah. Perubahan pemikiran dan pendidikan, persekitaran juga telah melahirkan generasi muda yang kreatif dan inovatif.

Mereka adalah generasi teknologi maklumat. Jika dulu sambutan merdeka dengan membawa bendera ke seluruh kampung, sekarang trend berbeza kerana kini adalah zaman I like, I follow. Mereka juga sering berfikir di luar kotak, tidak suka dengan cara lama yang dirasakan sudah ketinggalan.

Generasi hari ini juga tidak suka dihidangkan dengan cara sambutan kemerdekaan yang sama setiap tahun dengan menonjolkan sejarah perjuangan terdahulu sedangkan mereka tidak lahir pada zaman itu. Mereka mudah merasa bosan dan mengambil sikap mengasingkan diri dan bersikap dingin dengan aktiviti membabitkan kemerdekaan.

Sehubungan itu, pendekatan yang baru harus dicari dalam usaha menyuburkan semangat kemerdekaan dalam kalangan mereka dan dalam masa yang sama memastikan makna patriotisme tidak berubah. Tetapi fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan.

Kita perlu menerima hakikat, manusia sering kali mudah lupa untuk melihat kembali sejarah. Sebab itu, semakin lama usia kemerdekaan negara, semakin mudah rakyat khususnya generasi selepas era tersebut lupa akan pentingnya semangat patriotisme ini meskipun dari segi fizikalnya kita telah bebas daripada penjajahan.

Yang jelas, masyarakat hari ini sudah berada dalam zon selesa, makmur dan bebas melakukan apa sahaja. Lantas, ancaman seperti pengaruh budaya liar menyusup masuk ke dalam jiwa tanpa disedari.

Justeru itu, sama-samalah kita mengubah sikap dan kembali ke landasan sebenar supaya tidak terus hanyut dan leka dengan keselesaan yang dinikmati hari ini. Berbanggallah bergelut rakyat Malaysia dan terusah melaungkan MERDEKA...MERDEKA...MERDEKA dan sematkan di jiwa dan minda agar ia terus segar malam demi mempertahankan kedaulatan negara. <